

Headline	Rekaan seni bina perlu bermanfaat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Jul 2012	Color	Black/white
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	v4	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	145 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,533
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,599



Rekaan seni bina perlu bermanfaat

Serdang: Universiti UCSI (UCSI) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) mengungguli Kategori Reka Bentuk dalam Bengkel Seni Bina Universiti Putra Malaysia di sini, baru-baru ini.

Rekaan kedua-dua institusi pengajian tinggi itu antara pelbagai projek reka bentuk bangunan dipamer dan dipertandingkan bersempena dengan bengkel berkenaan.

Presiden Pertubuhan Arkitek Malaysia, Ar Saifuddin Ahmad, berkata bengkel semingggu itu bertujuan menggalakkan interaksi dan perkongsian pengetahuan dalam kalangan pelajar seni bina.

Beliau turut mengingatkan pelajar supaya tidak mengangap profesion dalam bidang arkitektur sebagai kerjaya yang popular semata-mata, tetapi pada masa sama memainkan peranan menyumbang kepada masyarakat.

"Glamor dan boleh banyak buat duit antara kenyataan sering dikaitkan dengan kerjaya dalam seni bina. Bagaimanapun, semua itu sudah tidak relevan ketika ini kerana arkitek masa kini juga perlu memastikan hasil rekaan mereka turut memenuhi keperluan masyarakat," katanya ketika berucap merasmikan bengkel berkenaan.

Bina rangkaian

Lebih 1,000 pelajar daripada 26

institusi pengajian tinggi (IPT) menyertai acara itu. Selain Kategori Reka Bentuk, turut dipertandingkan Kategori Fotografi yang diungguli Universiti Sains Malaysia, manakala Kategori Multimedia pula dimenangi wakil UIAM.

Beliau juga menggalakkan pelajar memanfaatkan program seumpama itu bagi menjalin hubungan baik dengan penuntut institusi pengajian tinggi lain yang berpotensi menjadi rangkaian kenalan perniagaan mereka pada masa depan.

"Bengkel ini memberi peluang pelajar bergaul dan keluar daripada zon selesa mereka dengan bertukar idea selain berbincang dengan pensyarah serta penuntut universiti lain.

"Kenalan inilah nanti yang mungkin akan menjadi rakan perniagaan atau pesaing anda apabila memulakan kerjaya kelak, justeru lebih baik bina hubungan baik itu bermula di peringkat universiti supaya mudah bekerjasama pada masa depan," katanya.

INFO

Antara projek reka bentuk bangunan:

- ⊗ Pusat Pengurusan Perlindungan Bencana Alam
- ⊗ Pusat Maklumat Terumbu Karang
- ⊗ Pusat konvensyen dalam hotel
- ⊗ Masjid
- ⊗ Gereja